

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

13.10.2017

SUARA MSWG

PERKEMBANGAN POSITIF DALAM PROTON

Perkembangan yang menarik dan mengujakan dalam pembuat kereta kebangsaan, Proton, dengan pelantikan lembaga pengarah baharu yang diterajui oleh Li Chunrong sebagai CEO baharu dan kehadiran Winfried Vahland, bekas pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Skoda.

Kami tertarik dengan kehadiran Li kerana demografi dan kewarganegaraan CEO ini merupakan peralihan dan pendekatan baharu yang mengukir sejarah dalam Malaysia dan ASEAN.

Berita terbaru berkisar tentang peranan utama pengeluar kereta China ini dalam Proton termasuk proses mengintegrasikan powertrain Geely ke dalam produk Proton (hibrid, hibrid berpalam dan elektrik), pelancaran sekurang-kurangnya satu model baharu setiap tahun serta pemindahan teknologi dan komponen keseluruhan, termasuk transmisi yang mana kesemuanya tanpa pelaburan tambahan daripada Proton, menjelaskan kedudukan Li sebagai orang nombor 1.

Kehadiran Vahland pula akan memberi manfaat yang besar kepada Proton kerana pengalamannya yang luas dalam Volkswagen (VW) dan Skoda kerana bekas pembuat kereta Czech ini, seperti Proton, merupakan pengemudi dan tanpa jenama sehingga diambil alih oleh VW pada 1991. Secara perlahan-lahan ia menyaksikan pemulihan dalam kualiti pembuatan, ekuiti jenama yang akhirnya diterjemah kepada jualan.

Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia berharap bantuan kewangan kerajaan kepada Proton akan berakhir dengan pemindahan kawalan komersial kepada dua entiti swasta iaitu Geely dan DRB, berikutan pembayaran sejumlah RM1.1 bilion kepada Proton bagi melangsaikan bayaran untuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebelum ini.

GALAKAN KEPIMPINAN

Satu lagi berita dari sudut pandang kepimpinan yang juga berita baik untuk Felda Global Ventures Bhd (FGV), dengan kepulungan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zakaria Arshad.

Kami gembira dapat melihat pengakhiran episod ini dan berharap Datuk Zakaria akan menumpukan usahanya dalam melaksanakan Pelan Strategik 2020 FGV bagi membangkitkan semula prestasi serta menyelesaikan hutang lama Safitex Trading LLC.

Kami juga berharap di bawah kepimpinan Pengerusi baharu, FGV akan terus menaikkan semula nilai pemegang saham yang terhakis sejak penyenaiaannya serta mempertingkatkan lagi tadbir urus dalaman.

PENCARIAN MAKLUM BALAS PASARAN

Selepas Bursa Malaysia berusaha untuk mendapatkan maklum balas pasaran terhadap cadangan penambahbaikan Peraturan Penyenaiaan, Bursa membuat permintaan susulan untuk mendapatkan maklum balas mengenai cadangannya untuk merombak Panduan Tadbir Urus Korporat (CG).

Dalam cadangan pindaan itu, Bursa mengambil pendekatan CG yang agak kurang teknikal dan lebih difahami orang awam bagi menyampaikan manfaat CG dan komunikasi pihak berkepentingan dengan cara yang lebih mudah dan mesra kepada pemegang saham dan syarikat.

Justeru, kami memahami apabila Bursa mengatakan Panduan CG ini telah diberi “penambahbaikan dalam kandungan dan susun atur bagi meningkatkan kegunaan keseluruhannya kepada para pengarah dan penerbit tersenarai”.

Oleh itu, sila ambil kesempatan dan peluang serta luangkan masa untuk membaca Panduan baharu ini, walaupun tebal, kerana Bursa telah menghabiskan banyak masa dan usaha demi kepentingan semua pemain pasaran. Kami yakin semua maklum balas pasaran akan dibaca dan akan dipertimbangkan juga.

Memetik kata Bursa, cadangan panduan yang diberi nafas baharu ini menggunakan pendekatan “CARE” (Fahami, Aplikasi dan Laporkan) seperti diperkenalkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

PASUKAN MSWG

13 Oktober 2017

PERKEMBANGAN PASARAN DAN KAWAL SELIA

BURSA MALAYSIA Mencari Maklum Balas Awam Tentang Panduan Tadbir Urus Korporat Yang Diberi Nafas Baharu

Pada 9 Oktober 2017, Bursa Malaysia mengeluarkan kertas rundingan untuk mendapatkan maklum balas orang ramai mengenai cadangan menyemak semula Panduan Tadbir Urus Korporatnya (“Panduan Disemak Semula”).

Panduan Disemak Semula ini bertujuan menyediakan panduan praktikal kepada penerbit tersenarai bagi meningkatkan amalan dan pelaporan tadbir urus korporat mereka (“CG”) dengan penekanan khusus terhadap prinsip dan amalan (“Amalan”) yang terkandung dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (“MCCG”) baharu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 26 April 2017.

Walaupun Panduan Disemak Semula yang dicadangkan ini masih mengandungi sesetengah maklumat berguna daripada Edisi Kedua Panduan Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bursa pada tahun 2012, ia telah diberi penambahbaikan besar-besaran dari segi kandungan dan susun atur bagi meningkatkan kegunaan keseluruhannya kepada para pengarah dan penerbit tersenarai.

Panduan yang disusun semula ini mengambil kira pendekatan baharu “CARE” (Fahami, Aplikasi dan Laporkan) seperti yang diperkenalkan dalam MCCG. Strukturnya sejajar dengan struktur baharu MCCG yang terdiri daripada 3 prinsip iaitu Keputusan yang Dirancang, Amalan dan Amalan Tindakan bagi syarikat besar seperti yang ditakrifkan dalam MCCG (“Amalan yang Digalakkan”) serta Panduan yang disertakan dengan setiap Amalan.

Ciri-ciri utama Panduan yang Disemak semula ini merangkumi:

- Kajian kes untuk perubahan bagi membolehkan penerbit tersenarai lebih memahami kesimpulan tentang nilai dan manfaat mengaplikasikan setiap Amalan dan Latihan yang dinyatakan dalam MCCG;
- Panduan praktikal bagi membantu penerbit tersenarai melaksanakan Amalan dalam bentuk pertimbangan utama, perkara yang patut dan tidak patut dilakukan dalam melaksanakan Amalan, amaran tentang sesuatu masalah yang perlu diperhatikan dan contoh dasar dan instrumen yang boleh disesuaikan oleh penerbit tersenarai dalam melaksanakan Amalan berkaitan; dan
- Tinjauan untuk refleksi dan penghayatan CG yang lebih mendalam dengan menekankan, antara lain, isu yang dipolitikkan, kajian kes dan perkembangan antarabangsa.

Kertas rundingan ini boleh didapati di:

<http://www.bursamalaysia.com/market/regulation/rules/public-consultation>

Pihak yang berminat dan orang ramai dijemput mengemukakan komen dan maklum balas kepada Bursa Malaysia sebelum 23 Oktober 2017.

[Sumber: Siaran media di laman web Bursa Malaysia pada 9 Oktober 2017]

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 16 HINGGA 20 OKTOBER 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

| Tarikh & Masa | Syarikat | Lokasi |
|--|-------------------------------------|---|
| 16.10.17 (Isnin) 10.00 pagi | AFFIN Holdings Bhd (EGM) | Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur, Jalan Conlay, KL |
| 17.10.17 (Selasa) 10.00 pagi | GFM Services Bhd (EGM) | Hotel Bangi Putrajaya, Off Persiaran Bandar, Bandar Baru Bangi, Selangor |
| 20.10.17 (Jumaat) 10.30 pagi | ATTA Global Group Bhd (EGM) | Atta Global Group Berhad, Main Meeting Prai Industrial Estate, Prai, Pulau Pinang |
| 20.10.17 (Jumaat) 10.30 pagi | ATTA Global Group Bhd (ICULS HM) | Atta Global Group Berhad, Main Meeting Prai Industrial Estate, Prai, Pulau Pinang |
| 20.10.17 (Jumaat) 11.30 pagi | ATTA Global Group Bhd (EGM) | Atta Global Group Berhad, Main Meeting Prai Industrial Estate, Prai, Pulau Pinang |
| 20.10.17 (Jumaat) 11.30 pagi | ATTA Global Group Bhd (WBHM) | Atta Global Group Berhad, Main Meeting Prai Industrial Estate, Prai, Pulau Pinang |
| 20.10.17 (Jumaat) 12.30 tengah hari | ATTA Global Group Bhd (EGM) | Atta Global Group Berhad, Main Meeting Prai Industrial Estate, Prai, Pulau Pinang |
| 20.10.17 (Jumaat) 12.30 tengah hari | ATTA Global Group Bhd (WCHM) | Atta Global Group Berhad, Main Meeting Prai Industrial Estate, Prai, Pulau Pinang |

| | | |
|-----------------------------------|--------------------------------|--|
| 20.10.17 (Jumaat) 02.30 petang | ATTA Global Group Bhd (EGM) | Atta Global Group Berhad, Main Meeting Prai Industrial Estate, Prai, Pulau Pinang |
|-----------------------------------|--------------------------------|--|

| Perkara penting untuk diajukan: | |
|---------------------------------|--|
| Syarikat | Perkara/ Isu |
| GFM Services Bhd (EGM) | <ol style="list-style-type: none"> Skim Saham Pekerja yang Dicadangkan akan ditadbir dan diurus oleh Jawatankuasa mengikut Undang-undang Kecil. Apakah komposisi Jawatankuasa ini dan siapakah anggota yang dicadangkan? Bolehkah Lembaga Pengarah berikan maklumat lanjut tentang terma dan syarat serta kedudukan saham GFM Services? |

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my
 Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
 Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
 Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my
 Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
 Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my
 Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.